

POLIGAMI DALAM SYARIAH BERDASARKAN SURAH AN-NISA' AYAT 3

Aisyah Binti Fadzil¹
Siti Nur A'qila Binti Abdul Halim²
Siti Khadijah Binti Sarif Absal³
Sukhairu Bin Sulaiman⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : aisyahfadzil@raudhah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : aqila.halim@raudhah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : khadijahsarif@raudhah.usim.edu.my)

⁴Darul Quran JAKIM, Malaysia, (E-mail: sukhairu@islam.gov.my)

ABSTRAK

Poligami adalah perkahwinan seorang suami dengan lebih dari seorang isteri. Ia merupakan pembahasan dalam perkahwinan yang paling banyak diperdebatkan dalam kalangan ahli hukum Islam. Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki konsep poligami dalam kerangka syariah berdasarkan Al-Quran dengan penekanan khusus pada Surah An-Nisa' (4:3). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan kaedah analisis kandungan, melibatkan analisis teks Al-Quran, kajian tafsir serta kajian-kajian lepas yang berkaitan. Fokus kajian adalah untuk memahami landasan hukum, prinsip-prinsip dan implikasi pelaksanaan poligami dalam konteks ajaran Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa Al-Quran memberi kebenaran untuk mengamalkan poligami dengan syarat-syarat tertentu. Dalam surah An-Nisa' ayat 3 menetapkan bahawa seseorang lelaki dibenarkan mempunyai lebih daripada 1 isteri dengan syarat bahawa dia mampu berlaku adil dan saksama. Konsep keadilan dalam konteks ini merangkumi aspek ekonomi, emosi dan pengagihan masa yang seimbang terhadap isteri-isteri. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi pandangan yang mendalam mengenai konsep poligami dalam syariah berdasarkan Al-Quran dan kesesuaiannya dalam konteks kehidupan moden.

Kata Kunci: Poligami, keadilan, Syariah, Islam, hak.

Pendahuluan

Poligami merupakan satu isu yang menjadi perdebatan di kalangan Masyarakat kerana ia dianggap punca utama berlakunya penganiayaan terhadap isteri dan anak-anak. Keharusan poligami menurut Islam bertujuan untuk kesejahteraan semua pihak iaitu ahli keluarga yang terlibat, masyarakat dan juga negara. Sebahagian masyarakat menjadikan poligami sebagai salah satu cara penyelesaian di dalam perkahwinan kerana isteri tidak mahu diceraikan ataupun berstatus janda, dan mereka lebih rela dimadukan. Hukum poligami boleh menjadi harus, sunat dan haram mengikut situasi individu tersebut.

Metodologi Kajian

Tulisan ini menggunakan kaedah penelitian normatif dengan jenis kualitatif dan pendekatan konseptual. Objek penelitian ini adalah penafsiran QS. Al Nisa' ayat 3 dan 129 tentang poligami. Data yang digunakan adalah data sekunder dengan pembahagian: bahan hukum primer yang terdiri dari kitab-kitab tafsir, bahan hukum sekunder terdiri dari kitab fiqh dan buku tentang hukum poligami dan bahan hukum tertier yang terdiri dari kamus dan ensiklopedia umum. Kaedah analisis yang digunakan dalam tulisan ini adalah kaedah induktif.

Maksud Poligami

Poligami dari sudut bahasa adalah menghimpunkan bilangan isteri dalam satu masa. Pengertian poligami menurut Kamus Dewan iaitu amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama; maksud berpoligami ialah mempunyai lebih daripada seorang isteri pada masa yang sama (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Dalam Bahasa Arab, poligami disebut *Ta'addad al zawjat*. Asal perkataan *Ta'addad* bererti bilangan, manakala *al zawjat* bererti isteri. Dua perkataan tersebut apabila digabungkan membawa erti isteri yang banyak atau berbilang-bilang.

Maka poligami bolehlah dimaksudkan sebagai berkahwin lebih daripada seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang membawa erti berkahwin dengan seorang wanita sahaja. Ia juga berlawanan dengan perkataan poliandri iaitu amalan bersuami lebih dari seorang dalam satu-satu masa.

Hukum Poligami

Dasar hukum yang membolehkan berpoligami telah dijelaskan melalui ayat al-quran:(An-nisa':3)

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُفْسِدُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَنِّي وَتِلْكَ وَرُبْعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا
فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَذَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ۝٣

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”.

Berdasarkan kepada ayat di atas, Islam tidak mewajibkan berpoligami, tetapi menjadikannya sebagai harus. Namun, keharusan ini bukanlah secara mutlak sebaliknya mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Ayat ini telah diwahyukan pada akhir tahun ke lapan hijrah untuk menghapuskan peradaban lama yang masyhur di kalangan orang jahiliah pada

masa itu. Maka ayat ini telah menghapuskan amalan-amalan Jahiliah tersebut. Ayat ini juga menjelaskan supaya seseorang yang berkahwin lebih daripada seorang wanita perlulah berlaku adil terhadap isteri-isterinya dengan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Jika tidak mampu, hendaklah mereka berkahwin satu sahaja supaya tidak berlaku penganiayaan dan kezaliman.

Walaupun begitu, hukum poligami ini berubah menjadi sunat, makruh dan haram berdasarkan situasi dan keadaan individu yang menginginkan poligami: Mustafae al. (2007)

- i. Sunat: Apabila seorang lelaki yang apabila isteri pertama itu sakit atau mandul sedangkan suami menginginkan anak. Suami juga merasakan dia mampu untuk berlaku 'adil terhadap kedua-duanya. Dalam keadaan ini, ia menjadi sunat kerana terdapat masalah yang dibenarkan oleh syara'.
- ii. Makruh: Jika poligami itu dilakukan tanpa sebarang keperluan, semata-mata untuk menambah keseronokan dan hiburan. Apatah lagi, jika suami itu sangsi dengan keupayaannya berlaku adil di kalangan isterinya. Ia juga menjadi makruh kerana dilakukan tanpa sebarang keperluan yang boleh membawa kepada berlakunya kemudharatan akibat tidak berlaku adil.
- iii. Haram: Apabila seorang lelaki berasa ragu atau yakin tidak mampu berlaku adil sekiranya berkahwin lebih daripada seorang perempuan, sama ada kerana kefakirannya, kelemahannya atau tidak yakin dapat mengelakkan dirinya daripada cenderung kepada mana-mana isteri, atau bersikap aniaya. Hal ini demikian kerana akan menimbulkan kemudharatan kepada orang lain.

Prinsip Adil Dalam Poligami

Ulama' bersepakat bahawa berlaku adil terhadap isteri-isteri adalah kewajipan seorang suami berdasarkan ayat dari surah an-Nisa' ayat 3. Keadilan yang dimaksudkan adalah keadilan yang bersifat materialistik seperti baik perlakuan terhadap semua isteri, pembahagian waktu dalam bermalam dan pemberian nafkah hidup dengan tidak pilih kasih.

Imam Syafi'i, as-Sarakhsi, dan al-Kasani mensyaratkan keadilan diantara para istri, menurut mereka keadilan ini hanya menyangkut urusan fisik misalnya mengunjungi di malam atau siang hari. Namun, Muhammad Abduh berpandangan, keadilan yang disyaratkan Al-Quran adalah keadilan yang bersifat kualitatif seperti kasih sayang, cinta perhatian yang semuanya tidak boleh diukur dengan angka. Menurutnya, tiang utama dalam mengatur kehidupan rumahtangga adalah adanya kesatuan dan saling menyayangi antara anggota keluarga.

Keadilan merupakan salah satu syarat untuk berpoligami. Keadilan yang disyaratkan ialah keadilan yang berbentuk zahir seperti tempat tinggal, makan minum, giliran dan sebagainya. Kerana keadilan ini mampu dilaksanakan oleh manusia.

Islam menuntut untuk berlaku adil kepada isteri-isteri dalam perkara berkaitan nafkah dan pembahagian hari untuk bermalam. Namun seorang suami tidak wajib untuk berlaku adil

dalam perkara yang berkaitan kecenderungan hati dan perasaan sayang kerana ia merupakan perkara yang berkait rapat dengan hati dan berada di luar kawalan seseorang.

Firman Allah SWT (An-Nisa': 129)

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَدْرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ ۗ

Maksudnya: Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya; oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan)

Ayat ini memperakui ketidakmampuan manusia untuk melayani para isteri secara sama rata dari sudut belaian kasih sayang dan kecenderungan hati, kerana ia berada di luar kemampuan manusia, meski betapa kuatnya usaha dan keinginan untuk berbuat demikian. Oleh itu, Allah SWT hanya mensyariatkan kepada suami agar berlaku adil kepada para isteri dari sudut pembahagian giliran dan nafkah, supaya tidak meninggalkan isteri tanpa dilayani haknya

Imam Syafi'ie mensyaratkan keadilan di antara isteri-isteri. Menurutnya, keadilan ini hanya melibatkan urusan yang zahir seperti mengunjungi isteri pada malam atau siang hari. Seorang suami menurut ulama fiqh mempunyai sekurang-kurangnya dua syarat: Pertama, berkemampuan untuk menanggung berbagai keperluan isteri-isterinya. Kedua, harus bersikap adil terhadap kesemua isterinya. Setiap isteri harus diperlakukan secara adil dan sama dalam memenuhi hak-hak perkahwinan dan lainnya. (Abdur Rahman I Doi(2002))

Faktor – Faktor Berlakunya Poligami

Tidak Mempunyai Anak

Apabila seseorang isteri yang didapati mandul dan telah menjalani pelbagai usaha untuk mendapatkan zuriat namun tidak berjaya, suami mungkin akan putus harapan untuk mendapatkan keturunan. Dalam keadaan ini Islam membolehkan suami untuk melaksanakan poligami sebagai jalan alternatif untuk mendapatkan zuriat dari isteri lain yang dikahwininya secara sah.

Isteri Sedia Ada Sakit Yang Berpanjangan

Bukanlah suatu yang mustahil jika terdapat isteri atau seseorang individu menghidap suatu penyakit yang berpanjangan dan sukar untuk diubati sekalipun telah menjalani pelbagai bentuk usaha untuk memulihkannya. Apabila ini berlaku pastinya isteri tersebut tidak dapat menjalani kehidupan dan hubungan suami isteri seperti biasa. Malah isteri yang dalam keadaan ini juga tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu dalam mendidik dan mengasuh anak-anak serta menguruskan rumah tangga.

Tabiat Kemanusiaan Suami Memerlukan Isteri Lebih Daripada Seorang

Sudah menjadi tabiat bagi seorang lelaki memerlukan isteri lebih dari seorang. Jika cara poligami ini tidak wujud, kemungkinan besar para lelaki yang tidak dapat mengawal diri dan nafsunya tadi mencari jalan yang tidak sah untuk memenuhi tabiat kemanusiaannya itu. Jalan yang tidak sah ini adalah zina yang bukan sahaja mengakibatkan lelaki tadi berdosa dan rosak akhlaknya, bahkan dia turut sama merosakkan orang lain dan masyarakat.

Jumlah Kaum Wanita Lebih Ramai Dari Kaum Lelaki

Kesan dari perkembangan penduduk dari hari ke hari dan peperangan yang sering berlaku telah melahirkan ramai janda dan anak gadis yang kehilangan tunang atau sebagainya. Jika dilihat dari sudut kemanusiaan, nasib wanita-wanita janda ini adalah suatu keadaan sosial yang perlu dibela dan diperhatikan. Salah satu cara pembelaan yang paling menenteramkan hati ialah apabila janda- janda itu merasa ada tempat untuk mereka berlindung. Dengan adanya peraturan poligami maka lelaki yang mempunyai kemampuan dan kesanggupan bolehlah mengahwini wanita-wanita janda atau gadis-gadis lain disebabkan kurangnya jumlah lelaki setelah gugur di medan perang.

Isteri Sukar Dididik

Terdapat juga wanita yang sukar untuk dibentuk dan dididik sikapnya supaya menjadi lebih baik dan positif. Sikapnya yang sering menimbulkan kemarahan suami dan sukar untuk dibentuk tidak mampu diubah walaupun pelbagai usaha telah dijalankan. Talak pertama dan kedua pula gagal meng insafkannya. Jika keadaan ini berlaku, seseorang suami itu boleh memilih sama ada untuk menceraikan sahaja isterinya itu dan berkahwin dengan wanita lain atau meneruskan hubungan suami isteri antara mereka dan pada masa yang sama mengahwini wanita lain untuk menenteramkan hatinya dan mendapatkan layanan yang lebih baik.

Suami Selalu Bermusafir

Terdapat juga seorang lelaki yang tugasnya memerlukan dia sering bermusafir dalam tempoh yang lama. Tetapi dia tidak sanggup untuk membawa anak isterinya berpindah-randah ke sana sini kerana ia akan menyusahkan lagi kehidupan mereka sekeluarga terutamanya terhadap anak-anak. Sedangkan pada masa yang sama lelaki tadi tidak mampu lagi untuk menjalani kehidupannya secara bersendirian. Maka dalam hal ini lelaki tadi dibenarkan untuk berpoligami bagi mengelakkan pelbagai perbuatan buruk yang lain daripada berlaku.

Syarat – Syarat Poligami

Penetapan berlakunya poligami oleh Islam berserta dengan batasan-batasan tertentu dengan cara menetapkan poligami itu dengan syarat-syaratnya sendiri, sebenarnya mempunyai

tujuan jangka panjang iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga serta menjaga ketinggian nilai di dalam kalangan masyarakat Islam seterusnya meningkatkan budi pekerti kaum muslimin. Berikut adalah syarat-syarat berpoligami yang telah digariskan oleh syarak, iaitu ;

Tidak Melebihi Empat (4) Orang Isteri Dalam Satu Masa

Islam mengharuskan berkahwin dengan empat perempuan. Meskipun ayat ﴿فَانكِحُوا﴾ seperti perintah, tetapi perkataan tersebut tidak menunjukkan berkahwin lebih dari satu adalah wajib, melainkan harus. Ini adalah pendapat jumhur ulama. Jumlah maksimum untuk berpoligami adalah empat orang sahaja dalam satu masa. Tidak diharuskan untuk berkahwin lebih dari jumlah tersebut.

Wanita Yang Dikumpulkan Dalam Satu Masa Itu Bukan Bersaudara

Misalnya, berkahwin dengan kakak dan adik, ibu dan anaknya, anak saudara dengan emak saudara baik sebelah ayah mahupun ibu. Khairuddin Bin Haiyon(2018) Bahawa Ummu Habibah (isteri Rasulullah SAW) mengusulkan agar baginda menikahi adiknya. Maka beliau menjawab: “*Sesungguhnya dia tidak halal untukku.*” Hadis riwayat Bukhari, kitab an-Nikah, Bab (وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ) (سلف), no. hadis 5107)

Hadis di atas jelas melarang seorang suami mengahwini perempuan bersaudara dalam waktu yang sama.

Bersikap Adil, Iaitu Adil Dalam Memberi Nafkah Dan Giliran

Imam Syafi’ie mensyaratkan keadilan di antara isteri-isteri. Menurutnya, keadilan ini hanya melibatkan urusan yang zahir seperti mengunjungi isteri pada malam atau siang hari. Seorang suami menurut ulama fiqh mempunyai sekurang-kurangnya dua syarat: Pertama, berkemampuan untuk menanggung berbagai keperluan isteri-isterinya. Kedua, bersikap adil terhadap kesemua isterinya. Setiap isteri harus diperlakukan secara adil dan sama dalam memenuhi hak-hak perkahwinan dan lainnya.

Kebolehan berpoligami tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan oleh syarak, iaitu berlaku adil antara isteri-isteri, baik dari segi nafkah mahupun gilirannya. Dalam hal ini, Imam Syafi’ie menambah, syarat lain yang harus ditekankan adalah suami harus dapat menjamin hak isteri-isteri dan anak-anaknya..”

Kesan Positif Dan Negatif Poligami

Terdapat beberapa kesan positif dan negatif berpoligami atau perkahwinan lebih dari satu pasangan dan pandangannya berbeza-beza bagi setiap individu dan masyarakat. Beberapa kesan positif berkaitan poligami, antaranya dalam aspek keagamaan. Bagi individu yang

melaksanakan poligami atas dasar keagamaan, mereka mungkin merasakan bahawa amalan ini adalah satu bentuk ketaatan kepada ajaran agama. Poligami yang dilakukan atas dasar ibadat akan membuahkan pahala untuk suami dan isteri-isterinya serta mendapat keberkatan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Poligami turut memberi peluang kepada kaum lelaki yang layak dan mampu berlaku adil untuk berpoligami membuktikan ketabahan mereka dalam memikul tanggungjawab yang berat dengan baik dan diterima oleh semua isteri. Perkara beginilah yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW dan para sahabat baginda yang membuktikan bahawa mereka mampu berpoligami di samping sibuk mengurus urusan negara, jihad dan sebagainya.

Poligami juga memberi peluang kepada satu-satu keluarga untuk menambah keturunan. Islam menggalakkan supaya meramaikan umatnya. Poligami memberi peluang kepada seorang lelaki untuk menambah lebih banyak waris. Perkara ini penting kerana jumlah orang islam yang ramai mampu memberi kekuatan dan kebangkitan umat islam dalam menguasai pemerintahan sesebuah negara. Selain itu, Poligami sering menjadi salah satu jalan usaha untuk mendapatkan zuriat. Ia sekaligus dapat mambantu menyelesaikan masalah pasangan suami isteri yang mempunyai masalah mengenai zuriat dan keturunan.

Namun begitu, terdapat juga kesan negatif yang mungkin timbul dari poligami, seperti Isu Emosi dan Psikologi. Poligami boleh mencetuskan perasaan cemburu, ketidaksetiaan, atau kesepian di kalangan pasangan. Ini kerana, Melalui poligami akan timbul banyak perkara yang dimurkai Allah seperti pembohongan, pergaduhan dan sebagainya. Ini akan menyebabkan perubahan pada keluarga, diri dan masyarakat yang tenang dan harmoni menjadi porak perandan dan hancur kerana pihak yang tak bertanggungjawab yang mengganggu keharmonian tersebut.

Selain itu, poligami akan menimbulkan Kesukaran dalam Menjaga Kesetiaan. Menguruskan hubungan lebih dari satu pasangan boleh menjadi rumit dan menyebabkan kesukaran dalam menjaga kesetiaan. Ia akan menyebabkan suami terpaksa mencari duit lebih untuk menyara keluarga serta memberi nafkah kepada ramai isteri dan anak-anak mereka yang menyebabkan masa untuk meluangkan masa bersama mereka terhad. Ini akan menyebabkan wujudnya unsur hilang kepercayaan kerana kekangan masa untuk bersama kerana suami lebih banyak meluangkan masa di luar dan membuka ruang sosial yang lebih besar terutamanya di tempat kerja. Adakalanya poligami boleh mencipta kesalahfahaman antara pasangan, terutamanya dalam hal perhatian dan sumber daya.

Poligami turut memberi imej yang tidak baik terhadap islam kerana terdapat unsur penindasan terhadap isteri dan menyebabkan masyarakat umum memandang poligami adalah alat dan tempat untuk melepaskan nafsu semata-mata di kalangan umat islam. Setiap individu dan masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza terhadap poligami. Pendekatan terhadap amalan ini juga bergantung kepada konteks budaya dan agama.

Hikmah Poligami

Setiap syariat hukum yang telah ditetapkan pastinya mempunyai hikmah tertentu. Sama ada hikmah yang boleh dilihat dengan mata kasar mahupun yang tersembunyi. Terdapat beberapa hikmah dalam poligami, Antaranya ialah poligami merupakan satu Ketaatan dalam agama.

Bagi individu atau komuniti yang memandang poligami sebagai sebahagian dari ajaran agama, Pelaksanaan poligami dianggap sebagai bentuk ketaatan dan pematuhan terhadap ajaran agama. Kaum lelaki dibenarkan berkahwin dengan syarat mereka boleh berlaku adil di antara satu sama lain. Namun jika mereka tidak mampu berlaku adil dalam poligami, Diharamkan bagi mereka melaksanakannya. Oleh yang demikian, Islam tidak melarang dan memaksa kaum lelaki untuk berpoligami kerana semua itu bergantung kepada kemampuan individu tersebut.

Hikmah berikutnya adalah melalui jalan poligami, Akan berlakunya peningkatan bilangan umat islam. Islam amat menggalakkan supaya meramaikan jumlah umatnya untuk tujuan menjaga agama itu sendiri. Selain itu, Bilangan umat islam yang ramai juga melambangkan kekuatan sesebuah negara. Jumlah penduduk yang ramai mampu mempengaruhi kemajuan sesebuah negara. Ini Kerana, Pembangunan dan perkembangan boleh berlaku dengan adanya pelbagai permintaan dalam bidang pekerjaan yang semakin meluas seperti Jurutera, Guru, Doktor, Petani dan sebagainya. Oleh itu, Poligami dapat dilihat sebagai cara untuk memperluas keluarga.

Selain itu penjagaan sosial dan ekonomi juga terjamin kerana dalam beberapa situasi, poligami dapat mewujudkan kestabilan ekonomi dan penjagaan sosial kepada wanita dan anak-anak. Dengan adanya lebih dari satu pencari nafkah, keluarga dapat menambah sumber kewangan yang lebih banyak. Dalam konteks poligami, penting untuk memastikan bahwa semua anggota keluarga mendapatkan kekuatan kewangan yang mencukupi. Hal ini melibatkan pembahagian tanggung jawab dalam ekonomi, termasuk keperluan pendidikan dan kesihatan. Sokongan sosial sangat penting untuk memastikan bahwa setiap anggota keluarga merasa didukung secara emosional.

Poligami juga membuka peluang untuk menjaga orang tua. Poligami dapat memberikan peluang bagi pasangan untuk membahagikan hak penjagaan orang tua yang memerlukan lebih banyak perhatian dan sokongan. Dengan adanya pendapatan yang banyak, Mereka memiliki potensi untuk menyediakan sokongan kewangan yang lebih besar untuk orang tua. Ini boleh membantu memenuhi keperluan kesihatan, keperluan hidup sehari-hari, dan keperluan khusus yang lain. Oleh yang demikian, tugas perubatan harian dan sokongan fizikal dapat menjadi sesuatu yang boleh mengurangi beban secara individu.

Ia juga merupakan salah satu penyempurnaan syariat islam. Perkahwinan Rasulullah dengan Saidatina Zainab yang merupakan janda kepada Zaid Bin Harithah yang dianggap sebagai anak angkat oleh Rasulullah pada tahun ke-5 Hijrah. Perkahwinan ini banyak mengandungi hikmah seperti menjelaskan kedudukan anak angkat adalah berbeza dengan anak kandung. Ini kerana, Sebelum kedatangan islam, Sudah menjadi tradisi Arab Jahiliah yang menganggap anak angkat sebagai anak kandung dan isteri anak angkat seolah-olah isteri anak kandung. Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Ahzab ayat 53: "Dan (ingatlah), ketika kamu berkata kepada orang yang Allah telah melimpahkan nikmat kepadanya dan kamu (juga) telah memberi nikmat kepadanya: "Tahanlah terus isterimu dan bertakwalah kepada Allah", sedang kamu menyembunyikan di dalam hatimu apa yang Allah akan menyatakannya, dan kamu takut kepada manusia, sedang Allah-lah yang lebih berhak untuk kamu takuti. Maka tatkala Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kawinkan kamu dengan dia supaya tidak ada keberatan bagi orang mukmin untuk (mengawini) isteri-isteri

anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya daripada isterinya. Dan adalah ketetapan Allah itu pasti terjadi.”.

Penutup

Poligami adalah seorang lelaki yang berkahwin lebih dari satu Wanita. Poligami menjadi sesuatu yang positif jika poligami hukumnya adalah sunah dan boleh menjadi negatif kerana poligami melanggar hak asasi manusia. Pada zaman sekarang banyak poligami yang dilakukan dan poligami tersebut sebahagian besar adalah poligami yang beralasan pada nafsu dengan menggunakan hukum sunnah. Poligami di perbolehkan pada zaman Nabi dan poligami yang dilakukan Nabi pada masa itu untuk menolong kaum perempuan, menikahi kaum perempuan yang lebih tua dari Nabi. Berbeza pada zaman sekarang, poligami yang dilakukan kerana wujudnya unsur seksual (nafsu) yang ada di dalam diri lelaki tersebut yang kurang puas terhadap isteri pertama ataupun isteri yang lain. Poligami yang dilakukan oleh Nabi adalah untuk bertujuan untuk dakwah dan menyebarkan agama islam serta Ta'awun iaitu tolong menolong. Nabi mengahwini wanita yang ditinggal mati oleh suaminya kerana hal tersebut merupakan perintah dari Allah. Nabi juga menikahi wanita tersebut dengan penuh tanggung jawab dan Nabi memperoleh izin dari isteri-isteri yang lain.

Rujukan

- Abdul Edo Munawar. (2021). Aturan Poligami : Alasan, Tujuan dan Tingkat Ketercapaian Tujuan. *TAHKIM*, Indonesia. Vol 17, No 1.
- Abdullah Nasih Ulwan, (1973). *Ta'addud al zawjat fi al islam*, Dar al Qalam, Beirut.
- Ali Ahmad Jarjawi. (2007). *Pembebasan Perempuan*. Darul Fallah, Jakarta , h. 10-11.
- Al-Mu 'in 'ala Tadabbur al-Kitab al-Mubin oleh Majd Makki (2022)*, Dar Ibn Hazm, Cetakan Pertama, m/s. 99.
- Desi Aprianti. (2022). Adil Dalam Poligami Perspektif Ibnu Hazm. *SKULA : Jurnal Pendidikan Profesi Guru Madrasah*, Indonesia. Vol 2, No 2.
- Irsyad Nugraha. (2021). Poligami dan Larangannya Dari Perspektif Hadits. *Indonesian Journal of Islamic Studies*, Indonesia. Vol.2, No.02.
- M. Ichsan. (2018). Poligami dalam Perspektif Hukum Islam (Kajian Tafsir Muqaranah). *Jurnal Ilmiah Syar'iah*. Vol 17, No 2
- Muhammad Shahrur. (2004). (Terj. Sahiron Syamsuddin dan Burhanuddin), *Metodologi Fiqih Islam Kontemporeri*, Yogyakarta: eLSAQ, m/s. 428.
- Nabilah binti Hj Bujang, Dr Hj Nurzakiah binti Hj Ramlee. (2021). Perspektif Masyarakat Terhadap Faktor Poligami. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Jilid 8, Bil 2.

Nur Dianah Binti Burhanuddin, Wan Ramizah Binti Hassan. (2018). Faktor dan Hikmah Poligami Rasulullah S.A.W. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)* , Bangi, Selangor.

Rahmi. (2015). Poligami : Penafsiran Surat An Nisa' Ayat 3. *Jurnal Ilmiah Kajian Gender*, Padang, Indonesia. Vol. 5 No.1

tafsirweb.com/7649-surat-al-ahzab-ayat-37.

Yuli Yani. (2022). Analisis Alasan Poligami Bagi Pegawai Negeri Sipil. *Jurnal Tana Mana*, Indonesia. Vol 3, No 1.

Zaini Nasohah. (2000). *Poligami: Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*, utusan Publications and contributions Sdn. Bhd.

Zaini Nasohah. (2000). Sebab-Sebab Berlakunya Poligami. *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. m/s 13.